6. (1) The Committee shall hold its complaint investigation on the date and at the time and place as determined by the Chairman.

(2) The Committee shall hold the complaint investigation as soon as possible and practical upon receiving a complaint under subsection 5(1) of this Statute.

(3) The quorum for a panel complaint investigation by the Committee shall not be less than three persons including the Chairman.

(4) The Committee shall comply with the provisions in section 5 in this Statute.

(5) The Chairman may invite any other person to be in the panel complaint investigation to assist the Committee.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1hb Sept. 2020]

13045

## Findings of the Complaint Investigation

7. (1) The Management Committee of the University shall be informed of the findings made by the Committee.

(2) The provisions of the Schedule to subsection 16(3) of the Constitution of the University shall be applicable to the Committee.

Made 15th January 2020

[Minutes of JPU Meeting 692.07(e);  
UPM/PPUU/100-1/1/2 (Students' Complaints Committee)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

*Chancellor  
Universiti Putra Malaysia*

## No. 15030.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(KETUA PUSTAKAWAN) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U(. A) 448/2010], Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Putra Malaysia (Ketua Pustakawan) 2020.

Pelantikan

2. Seorang Ketua Pustakawan, atau apa-apa nama lain bagi jawatan itu yang ditetapkan oleh Lembaga, hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut Seksyen 14 Perlembagaan Universiti Putra Malaysia.

Kuasa dan Kewajipan Ketua Pustakawan

3. Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan, Ketua Pustakawan hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut—

- (a) menjadi ketua pegawai maklumat;
- (b) menjadi ketua Pejabat Perpustakaan Universiti;

- (c) menasihati dan membantu Naib Canselor dalam pelaksanaan perancangan strategik berkaitan dengan perpustakaan;
- (d) menjadi ahli ex-officio Senat;
- (e) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti;
- (f) bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran perpustakaan Universiti dan mana-mana perpustakaan cawangan atau perpustakaan fakulti yang ditubuhkan;
- (g) merancang, membangun dan menyenggara bangunan, ruang, kemudahan, persekitaran dan infrastruktur teknologi yang sesuai untuk menjalankan operasi dan perkhidmatan perpustakaan;
- (h) merancang, melaksana dan menguruskan perkhidmatan perpustakaan, perkhidmatan maklumat bibliometrik dan lain-lain perkhidmatan maklumat;
- (i) memperoleh dan menyenggara koleksi sumber maklumat perpustakaan, sama ada bahan bercetak atau bukan bercetak dan termasuklah bahan digital;
- (j) membangun, menyenggara dan memulihara repositori institusi dan arkib Universiti;
- (k) menjadi Setiausaha Jawatankuasa Perpustakaan;
- (l) menjadi pengerusi atau setiausaha mana-mana jawatankuasa lain berkaitan dengan perkhidmatan maklumat;
- (m) menjadi ahli mana-mana jawatankuasa yang berkaitan dengan penerbitan atau penyelidikan Universiti;
- (n) dengan keizinan Lembaga dan tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti dan apa-apa peraturan yang berkuatkuasa, menyempurnakan apa-apa perjanjian atau surat cara yang berkaitan dengan pengurusan, penjalanan dan pengoperasian perpustakaan;
- (o) melaksanakan apa-apa kuasa atau tanggungjawab lain sebagaimana yang diperlukan di bawah Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan; dan
- (p) menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan Naib Canselor dari semasa ke semasa.

#### Mewakilkan Kuasa dan Kewajipan

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Ketua Pustakawan boleh mewakilkan mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pustakawan Universiti melalui suatu surat cara bertulis.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1hb Sept. 2020]

13047

(2) Semasa ketiadaan Ketua Pustakawan atas apa-apa alasan, Naib Canselor boleh melantik melalui surat cara bertulis, mana-mana pustakawan Universiti untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa atau kewajipan Ketua Pustakawan.

Kesahan perbuatan atau peninggalan Ketua Pustakawan yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasa Statut

5. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Ketua Pustakawan yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 15hb Januari 2020

[Minit Mesyuarat JPU 692.07(e);  
UPM/PPUU/100-1/1/2 (Ketua Pustakawan)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ  
*Canselor*  
*Universiti Putra Malaysia*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(CHIEF LIBRARIAN) STATUTE 2020

In exercise of the powers conferred under subsection 35(1) of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 448/2010], the Chancellor makes the following Statute:

## Citation

1. This Statute may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Chief Librarian) Statute 2020.

## Appointment

2. A Chief Librarian, or any other names for the post as determined by the Board, shall be appointed by the Board in accordance with Section 14 of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia.

## Powers and Duties of the Chief Librarian

3. Subject to the Constitution, Statute, Rules and Regulations, the Chief Librarian shall have the powers and duties as follows—

(a) to be the chief of information officer;

- (b) to be the head of the University's Library Office;
- (c) to advise and to assist the Vice Chancellor in the implementation of the strategic planning relating to the library;
- (d) to be an ex-officio member of the Senate;
- (e) to be a member of the Management Committee of the University;
- (f) to be responsible towards the management of University's library and other branch library or faculty library as may be set up;
- (g) to plan, develop and maintain the building, space, facilities, environment and technology infrastructure suitable for operation and services of the library;
- (h) to plan, implement and manage library services, bibliometric information services and other information services;
- (i) to procure and to maintain collection of library information sources, either printed or non printed material and includes digital material;
- (j) to develop, maintain and preserve institution repository and the archives of the University;
- (k) to be a secretary of the Library Committee;
- (l) to be a chairman or secretary of any other committee regarding information services;
- (m) to be a member of any committee relating to the publication or research of the University;
- (n) with the permission of the Board and subject to financial regulations of the university and any regulations in force, execute any agreement or instrument relating to management, conduct and operation of the Library;
- (o) to execute any power or duty as required under the Constitution, Statute, Rules and Regulations; and
- (p) to carry out other tasks and functions as directed by the Vice-Chancellor from time to time.

#### Delegation of Powers and Duties

4. (1) Subject to the Constitution, Chief Librarian may delegate any of his powers and duties to any other librarian of the University through a written instrument.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1hb Sept. 2020]

13049

(2) In the absence of the Chief Librarian for any reason, the Vice-Chancellor may appoint through a written instrument, any librarian to exercise any or all of the powers or perform any or all of the duties of the Chief Librarian.

Validity of act or omission of Chief Librarian performing its functions before the coming into force the Statute

5. No act or omission of Chief Librarian performing its functions before the commencement of this Statute, becomes null and void by reason of this Statute has not come into force.

Made 15 January 2020

[Minutes of JPU Meeting 692.07(e);  
UPM/PPUU/100-1/1/2 (Chief Librarian)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ  
*Chancellor*  
*Universiti Putra Malaysia*

## No. 15031.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 448/2010], Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Putra Malaysia (Penasihat Undang-Undang) 2020.

Pelantikan

2. Seorang Penasihat Undang-Undang, atau apa-apa nama lain bagi jawatan itu yang ditetapkan oleh Lembaga, hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut Seksyen 14 Perlembagaan Universiti Putra Malaysia.

**Kuasa dan Kewajipan Penasihat Undang-Undang**

3. Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan, Penasihat Undang-Undang hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut—

- (a) menjadi penasihat utama mengenai hal ehwal undang-undang berkaitan dengan Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti dan mana-mana pihak berkuasa Universiti yang lain;
- (b) menjadi ketua Pejabat Penasihat Undang-Undang;
- (c) menjadi ahli ex-officio Lembaga Pengarah Universiti dan Senat;
- (d) menguruskan hal ehwal undang-undang Universiti, termasuklah:
  - (i) menasihati Universiti dalam semua hal ehwal perundangan;
  - (ii) menggubal, menyemak, dan menyediakan dokumen perundangan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Universiti yang berkenaan;
  - (iii) menggubal, menyemak dan menyediakan surat cara perundangan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Universiti yang berkenaan;
  - (iv) memberi nasihat mengenai transaksi yang dimasuki oleh Universiti dengan pihak ketiga setakat nasihat itu berkaitan dengan isu perundangan bagi transaksi itu;
  - (v) mengendalikan urusan guaman Universiti; dan
  - (vi) menasihati dan mengemukakan tafsiran undang-undang mengenai apa-apa peruntukan Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti sekiranya diminta oleh Pihak Berkuasa Universiti;
- (e) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan;
- (f) memberi nasihat berkaitan urusan tatatertib pekerja dan pelajar Universiti;
- (g) melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan; dan
- (h) menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1hb Sept. 2020]

13051

## Mewakilkan Kuasa dan Kewajipan

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Penasihat Undang-Undang boleh mewakilkan mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang berkelayakan undang-undang melalui suatu surat cara bertulis.

(2) Semasa ketiadaan Penasihat Undang-Undang atas apa-apa sebab, Naib Canselor boleh melantik melalui surat cara bertulis, mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang berkelayakan undang-undang untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa dan kewajipan Penasihat Undang-Undang.

Kesahan perbuatan atau peninggalan Penasihat Undang-Undang yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasa Statut

5. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Penasihat Undang-Undang yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 15 Januari 2020

[Minit Mesyuarat JPU 692.07(e);  
UPM/PPUU/100-1/1/2 (Penasihat Undang-Undang)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ  
*Canselor*  
*Universiti Putra Malaysia*

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

## THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(LEGAL ADVISOR) STATUTE 2020

In exercise of the powers conferred under subsection 35(1) of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 448/2010], the Chancellor makes the following Statute:

### Citation

1. This Statute may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Legal Advisor) Statute 2020.

### Appointment

2. A Legal Advisor, or any other names for the post as determined by the Board, shall be appointed by the Board in accordance with section 14 of the Constitution of Universiti Putra Malaysia.

### Powers and Duties of the Legal Advisor

3. Subject to the Constitution, Statute, Rules and Regulations, the Legal Advisor shall have the following powers and duties—

- (a) to be the main advisor to the Board of Directors of the University or any other authority on legal matters of the University;
- (b) to be the head of Legal Advisor Office;
- (c) to be an ex-officio member of the Board and an ex-officio member of the Senate;
- (d) to manage the legal affairs of the University which includes:
  - (i) to advise the University in all legal matters;
  - (ii) to draft, vet and prepare legal documents for the approval of the relevant University Authorities;
  - (iii) to draft, vet and prepare legal instruments for the approval of the relevant University Authorities;
  - (iv) to advise on the transaction entered into by the University with the third party in so far as the advice is limited to the legal issue of the transaction.
  - (v) to manage litigation matters; and
  - (vi) to advise and offer legal interpretation of any provisions of the Constitution of the University, Statute, Rules and Regulations upon such request by the University Authorities;
- (e) to be a member of the Management Committee of the University and any other committees as prescribed by the Constitution, Statute, Rules or Regulations;
- (f) to advise on disciplinary matters relating to employee and student of the University;
- (g) to carry out any other powers and duties and to take any necessary action in exercising such powers and duties as prescribed by the Constitution, Statute, Rules or Regulations; and
- (h) to carry out other tasks and functions as directed by the Vice-Chancellor from time to time.

### Delegation of Powers and Duties

4. (1) Subject to the Constitution, Legal Advisor may delegate any of his powers and duties to any legally qualified officer or employee of the University through a written instrument.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1hb Sept. 2020]

13053

(2) In the absence of the Legal Advisor for any reason, the Vice-Chancellor may appoint through a written instrument, any legally qualified officer or employee to exercise any or all of the powers and duties of the Legal Advisor.

Validity of act or omission of Legal Advisor in performing its functions before the coming into force the Statute

5. No act or omission of Legal Advisor in performing its functions before the commencement of this Statute, becomes null and void by reason of this Statute has not come into force.

Made 15 January 2020  
[Minutes of JPU Meeting 692.07(e);  
UPM/PPUU/100-1/1/2 (Legal Advisor)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ  
*Chancellor*  
*Universiti Putra Malaysia*

## No. 15032.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(PENDAFTAR) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 448/2010], Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Putra Malaysia (Pendaftar) 2020.

Pelantikan

2. Seorang Pendaftar, atau apa-apa nama lain bagi jawatan itu yang ditetapkan oleh Lembaga, hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut seksyen 14 Perlembagaan Universiti Putra Malaysia.

Kuasa dan Kewajipan Pendaftar

3. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan, kuasa dan tanggungjawab Pendaftar adalah—

(a) menjadi ketua pegawai operasi;

- (b) menjadi Ketua bagi Pejabat Pendaftar;
- (c) menjadi setiausaha bagi semua Pihak Berkuasa Universiti melainkan diperuntukkan sebaliknya;
- (d) menjadi ahli ex-officio Lembaga Pengarah Universiti dan Senat;
- (e) bertanggungjawab mengurus hal berkaitan sumber manusia, keselamatan dan pentadbiran am Universiti;
- (f) bertanggungjawab mengurus mengenai pengurusan am akademik dan hal ehwal pelajar;
- (g) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Jawatankuasa Kebajikan Pekerja, dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan;
- (h) dengan keizinan Lembaga, menyempurnakan surat cara atau dokumen yang berkaitan skim perkhidmatan pekerja Universiti dan sumber manusia secara amnya;
- (i) bertanggungjawab sebagai custodian rekod dan dokumen Universiti seperti yang ditentukan oleh Naib Canselor;
- (j) menjadi penasihat utama kepada Universiti dan Pihak Berkuasa Universiti mengenai hal ehwal ketetapan Lembaga, Senat, sumber manusia, keselamatan, pentadbiran am Universiti, dan perkara-perkara yang dia menjadi custodian rekod dan dokumen Universiti;
- (k) mengurus hal-hal berkaitan pelantikan, tugas dan tanggungjawab, saraan, tatatertib dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja Universiti;
- (l) membantu Naib Canselor dalam merancang pelan strategik dan mengambil langkah-langkah yang perlu atau mengarahkan diambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik sesuai dengan visi dan misi Universiti; dan
- (m) melaksanakan apa-apa kuasa atau tanggungjawab lain sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan dengan sewajarnya kuasa atau tanggungjawab itu di bawah Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan.

#### Mewakilkan Kuasa dan Kewajipan

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Pendaftar boleh mewakilkan mana-mana kuasa atau kewajipannya kepada mana-mana pegawai atau pekerja Universiti melalui surat cara bertulis.  
(2) Semasa ketiadaan Pendaftar atas apa-apa alasan, Naib Canselor boleh melantik melalui surat cara bertulis, mana-mana pegawai atau pekerja untuk menjalankan kesemua atau mana-mana kuasa atau tanggungjawab Pendaftar.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1hb Sept. 2020]

13055

Kesahan perbuatan atau peninggalan Pendaftar yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasa Statut

5. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Pendaftar yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 15 Januari 2020  
[Minit Mesyuarat JPU 692.07(e);  
UPM/PPUU/100-1/1/2 (Pendaftar)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ  
*Canselor*  
*Universiti Putra Malaysia*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(REGISTRAR) STATUTE 2020

In exercise of the powers conferred under subsection 35(1) of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 448/2010], the Chancellor makes the following Statute:

## Citation

1. This Statute may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Registrar) Statute 2020.

## Appointment

2. The Registrar, or any other names for the post as determined by the Board, shall be appointed by the Board in accordance with section 14 of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia.

## Powers and Duties of the Registrar

3. (1) Subject to the Constitution, Statute, Rules and Regulations, powers and duties of the Registrar shall be as follows—

- (a) to be the chief operating officer;
- (b) to be the head of the Registrar's Office;
- (c) to act as the Secretary of the University Authorities, unless otherwise provided;

- 
- 
- (d) to be ex-officio member of the Board of Directors of the University and Senate;
  - (e) to manage affairs pertaining to human resources, security and general administration of the University;
  - (f) to manage the general administration of academic affairs and the students affairs of the University;
  - (g) to be a member of the Management Committee of the University, Employee Welfare Committee and any other committees as prescribed by the Constitution, Statute, Rules and Regulations;
  - (h) with the consent of the Board of Directors, to execute any instrument or document pertaining to any scheme of service of employees and human resource management in general;
  - (i) to be the custodian of the University's records and other documents as determined by the Vice Chancellor;
  - (j) to be the main adviser to the Vice Chancellor and University Authorities on matters relating to the resolution of the Board, Senate, human resource, security, general administration of the University and matters on which he becomes the custodian of University's records and documents;
  - (k) to manage matters pertaining to appointment, duties and responsibilities, remuneration, discipline and terms of service of University employees;
  - (l) to assist the Vice-Chancellor in strategic planning and to take necessary step or directions to the realization of the strategic plan in consistent with the vision and mission of the University; and
  - (m) to execute any power or duty and to take any action as required under the Constitution, Statute, Rules and Regulations.

#### Delegation of Powers and Duties

- 4. (1) Subject to the Constitution, Registrar may delegate any of his powers or duties to any other officer or employee of the University through a written instrument.
- (2) In the absence of the Registrar for any reason, the Vice-Chancellor may appoint through a written instrument, any officer or employee to exercise any or all of the powers or perform any or all of the duties of the Registrar.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1hb Sept. 2020]

13057

Validity of act or omission of Registrar in performing its functions before the coming into force the Statute

5. No act or omission of Registrar in performing its functions before the commencement of this Statute, becomes null and void by reason of this Statute has not come into force.

Made 15 January 2020  
[Minutes of JPU Meeting 692.07(e);  
UPM/PPUU/100-1/1/2 (Registrar)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ  
*Chancellor*  
*Universiti Putra Malaysia*

## No. 15033.

### AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELANTIK) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 448/2010], Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Putra Malaysia (Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik) 2020.

Keahlian Jawatankuasa

2. (1) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan ke sesuatu kursi dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan dan profesor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengurus;
- (b) dua ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;
- (c) Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya kursi itu atau jawatan profesor kanan atau profesor diuntukkan, jika berkenaan; dan
- (d) dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(2) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan guru selain daripada jawatan profesor kanan, profesor atau yang bersamaan dengannya di bawah mana-mana skim perkhidmatan yang diterima pakai oleh Universiti, hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut yang dilantik oleh Lembaga—

- (a) Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab bagi hal ehwal akademik yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat; dan
- (c) Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya jawatan itu diuntukkan.

(3) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Lembaga—

- (a) Pendaftar yang hendaklah menjadi Pengerusi; dan
- (b) dua orang pegawai kanan Universiti.

(4) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan sokongan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Lembaga—

- (a) Pendaftar atau wakilnya dalam kalangan pegawai atau pekerja Universiti yang hendaklah menjadi Pengerusi; dan
- (b) tiga orang pegawai atau pekerja Universiti.

#### Setiausaha

3. Pengerusi hendaklah melantik seorang Setiausaha dalam kalangan pegawai atau pekerja Universiti.

#### Laporan Penilaian Pakar Luar

4. (1) Bagi maksud pelantikan ke kursi, dan pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan dan profesor, Jawatankuasa hendaklah menimbang laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya tiga orang pakar luar.

(2) Bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan reader dan profesor madya, Jawatankuasa hendaklah menimbang laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya dua orang pakar luar.

(3) Senarai calon yang layak berserta kenyataan kelayakan calon itu hendaklah diberikan kepada pakar luar itu.

(4) Senarai calon itu boleh juga mengandungi nama orang yang tidak memohon jawatan itu tetapi yang difikirkan layak oleh Pihak Berkuasa Universiti untuk dipertimbangkan.

(5) Jawatankuasa tidak boleh membuat apa-apa pemilihan sehingga ia telah menerima dan mempertimbangkan laporan mengenai calon itu daripada pakar luar itu.

(6) Pakar luar itu boleh, dalam laporannya kepada Jawatankuasa, memberikan nama dan penilaian orang lain yang tidak disebutkan dalam senarai calon yang dikemukakan kepada pakar luar itu di bawah subperenggan (3) atau (4) untuk pertimbangan perlantikan atau kenaikan pangkat.

## Mengundang Menghadiri Mesyuarat

5. Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat bagi menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi.

## Kuorum Mesyuarat

6. Kuorum bagi mesyuarat semua Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli termasuk Pengurus.

## Pelantikan dan Kenaikan Pangkat

7. (1) Pelantikan ke suatu jawatan kursi, dan pelantikan dan kenaikan pangkat bagi jawatan profesor kanan, profesor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah dibuat oleh Lembaga atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(2) Pelantikan dan kenaikan pangkat bagi jawatan guru selain daripada profesor kanan dan profesor hendaklah dibuat oleh Naib Canselor atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(3) Pelantikan dan kenaikan pangkat bagi pekerja Universiti selain daripada yang disebut di subperenggan (1) dan (2) hendaklah dibuat oleh Pendaftar atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(4) Surat cara pelantikan dan kenaikan pangkat yang dibuat di bawah Statut ini hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar bagi pihak Universiti.

## Rayuan Berhubung Pelantikan dan Kenaikan Pangkat

8. (1) Mana-mana pekerja Universiti yang terkilan dengan penjalanan kuasa melantik dan menaikkan pangkat bolehlah merayu kepada Lembaga.

(2) Apa-apa rayuan yang dibuat hendaklah dinyatakan dengan jelas alasan rayuan itu dan dikemukakan kepada Lembaga untuk pertimbangan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan pelantikan atau kenaikan pangkat itu disampaikan kepada pekerja itu.

Kesahan perbuatan atau peninggalan Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasa Statut

9. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 15 Januari 2020

[Minit Mesyuarat JPU 692.07(e);

UPM/PPUU/100-1/1/2 (Jawatankuasa Pemilih Dan Pihak Berkuasa Melantik)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM

SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

*Canselor*

*Universiti Putra Malaysia*

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

### THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

(SELECTION COMMITTEE AND APPOINTING AUTHORITY) STATUTE 2020

In exercise of the powers conferred under subsection 35(1) of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 448/2010], the Chancellor makes the following Statute:

#### Citation

1. This Statute may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Selection Committee and Appointing Authority) Statute 2020.

#### Membership

2. (1) The Committee for purposes of appointment to a chair and appointment or promotion to a post of senior professor and professor, Registrar, Bursar, Chief Librarian and Legal Advisor shall consist of—

(a) Vice-Chancellor, who shall be the Chairman;

(b) two members of the Board, appointed by the Board;

(c) The Dean of the Faculty or Head of the School, Centre, Academy or Institute to which the chair or the posts of senior professor or professor will be allocated, if applicable; and

(d) two members of the Senate appointed by the Senate.

(2) The Committee for purposes of appointment or promotion to the post of teacher except for the posts of senior professor, professor or other similar post under any scheme of service adopted by the University, shall consist of the following members whom are appointed by the Board—

- (a) Deputy Vice-Chancellor charge with the responsibility on academic affairs, who shall be the Chairman;
- (b) two members of the Senate appointed by the Senate; and
- (c) Dean of the Faculty or head of School, Centre, Academy or Institute to which the post will be allocated.

(3) The Committee for purposes of appointment and promotion of employee of the University in the managerial and professional group shall consist of the following members whom are appointed by the Board—

- (a) Registrar, who shall be the Chairman; and
- (b) three senior officers of the University.

(4) The Committee for purposes of appointment and promotion of employee of the University in the support group shall consist of the following members whom are appointed by the Board—

- (a) Registrar, or his representative from amongst University officer or employee who shall be the Chairman; and
- (b) three officers or employees of the University.

**Secretary**

3. The Chairman shall appoint a Secretary from amongst the officer or employee of the University.

**External Expert Assessment Report**

4. (1) For purposes of appointment to a chair, and appointment and promotion to the posts of senior professor and professor, the Committee shall consider the assessment report from at least three external experts.

(2) For purposes of appointment and promotion to the posts of reader and associate professor, the Committee shall consider the assessment report from at least two external experts.

(3) The list of qualified candidates together with their qualification statements shall be submitted to the external experts.

(4) The list of the candidates may also contained the names of those who are not applying for the said posts but is qualified, in the opinion of the Authority of the University to be considered.

(5) The Committee shall not make any selection unless it has received and considered the report on the candidate from the external experts.

(6) The external experts may, in their report to the Committee, furnished names and details of any other person not mentioned in the list of candidates submitted to them under subparagraph (3) or (4) for consideration of appointment or promotion by the Committee.

#### Invitation to Attend Meeting

5. The Committee may invite any person to attend its meeting for purpose of advising the Committee on matters discussed but such person shall have no right to vote.

#### Quorum

6. The quorum for all meetings of the Committee shall be three members including the Chairman.

#### Appointment and Promotion

7. (1) The appointment to a chair, and appointment and promotion to a post of senior professor, professor, Registrar, Bursar, Chief Librarian and Legal Advisor shall be made by the Board on the advice of the respective Committee.

(2) The appointment and promotion for the post of teacher except senior professor and professor shall be made by the Vice-Chancellor on the advice of the respective Committee.

(3) The appointment and promotion of employee of the University except those mention under subparagraph (1) and (2) shall be made by the Registrar on the advice of the respective Committee.

(4) The instrument of appointment and promotion made under this Statute shall be signed by the Registrar on behalf of the University.

#### Appeal in Respect of Appointment and Promotion

8. (1) Any employee of the University who is aggrieved with the exercise of the power to appoint and promote may appeal to the Board.

(2) Any appeal made shall state clearly the reason for the appeal and submit to the Board within fourteen days from the date of decision made on the appointment or promotion communicated to such employee for consideration.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1hb Sept. 2020]

13063

Validity of act or omission of Selection Committee and Appointing Authority in performing its functions before the coming into force the Statute

9. No act or omission of Selection Committee and Appointing Authority in performing its functions before the commencement of this Statute, becomes null and void by reason of this Statute has not come into force.

Made 15th January 2020

[Minutes of JPU Meeting 692.07(e);

UPM/PPUU/100-1/1/2 (Selection Committee and Appointing Authority)]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ  
*Chancellor*  
*Universiti Putra Malaysia*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (**Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik**).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA